

05 NOV 1996

G15-Mahathir

MAHATHIR MAHU NEGARA MEMBANGUN RAPATKAN HUBUNGAN

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberitahu 15 negara anggota G-15 supaya merapatkan hubungan dan memperbaharui dedikasi mereka kepada perjuangan negara membangun.

"G-15 boleh menjadi relevan jika kita mahu. G-15 boleh memainkan peranan sebagai pemimpin jika kita menumpukan keazaman kita kepada matlamat itu," kata beliau pada majlis penutupan persidangan kemuncak G-15 di sini hari ini.

Persidangan selama tiga hari itu ditutup oleh Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, selaku pengerusi yang akan melepaskan jawatan itu.

Dr Mahathir pula berucap sebagai bakal pengerusi kumpulan itu yang akan mengadakan persidangannya yang akan datang di Kuala Lumpur.

Pemimpin ketiga yang memberi ucapan ialah Perdana Menteri Jamaica P. Patterson selaku bakal pengerusi G-15 selepas Malaysia.

Dr Mahathir berkata kumpulan itu yang telah ditubuhkan untuk memajukan kerjasama yang lebih erat di kalangan negara Dunia Ketiga mempunyai banyak perkara yang boleh dilakukan.

"Cabarannya semakin besar sedangkan masa untuk kita bertindak semakin singkat," katanya.

Beliau berkata mereka telah membincangkan cabaran yang dihadapi dunia yang mengalami perubahan pesat, baik daripada segi politik, ekonomi mahupun teknologi, dan sesetengah pihak berkata ini berupa era "perkongsian global yang baru bagi pembangunan."

"Apakah ini bersungguh-sungguh atau cuma muslihat bagi dominasi oleh mereka yang mempunyai kuasa dan sumber?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata, perkongsian global hanya boleh dilaksanakan dan harus dilaksanakan dengan mengambil kira negara miskin bagi mewujudkan peluang yang sama rata.

"Konsep kesamarataan tidak memberi apa-apa makna jika si kerdil terpaksa menentang si gergasi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata negara-negara berkenaan mungkin mendiami dunia yang menghadapi cabaran besar dan peluang yang tidak sama rata.

Sebenarnya, dalam konteks ekonomi, negara-negara di dunia memperlihatkan jurang perbezaan yang luas daripada segi pendapatan jika dibandingkan dengan keadaan satu dekad lepas.

"Justeru usaha yang berterusan perlu dijalankan bagi membetulkan ketidaksamaan yang merugikan kalangan negara-negara membangun.

Dr Mahathir juga berkata: "Kita melihat banyak sikap pilih kasih pada peringkat antarabangsa apabila amalan politik domestik mengetepikan prinsip keadilan dan kemanusiaan dalam hal ehwal antarabangsa."

Bagaimanapun, negara-negara berkenaan tidak seharusnya berputus asa kerana potensi wujud bagi negara membangun menuntut hak mereka dan memastikan masa depan yang lebih cerah.

Bagi G-15 sebagai contoh, Jawatankuasa mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi (CITT) kumpulan itu merupakan platform bagi kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara berkenaan dalam pelaburan, perdagangan dan perkongsian teknologi.

Program tindakan yang berkesan dan aliran maklumat yang lebih baik dalam biang-bidang ini harus dirangka dan dilaksanakan, kata beliau. --

BERNAMA

KGO FAZ NMO